



## **SIARAN MEDIA**

### **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**

---

#### **AKTA LEMBAGA ANGKASA MALAYSIA 2022 [AKTA 834]**

---

**PUTRAJAYA, 9 Februari 2022** – Sidang Dewan Negara Parlimen Keempat Belas telah meluluskan Rang Undang-Undang (RUU) Lembaga Angkasa Malaysia yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) pada 9 Disember 2021. Seterusnya, RUU Lembaga Angkasa Malaysia telah mendapat perkenan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong XVI Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah pada 19 Januari 2022 dan telah diwartakan sebagai Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 [*Akta 834*] pada 25 Januari 2022.

Pewujudan Akta ini bertujuan untuk menubuhkan Lembaga Angkasa Malaysia untuk mengawal selia aktiviti berkaitan angkasa yang tertentu bagi tujuan keselamatan, untuk mengawal selia pendaftaran objek angkasa dan untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berkaitan angkasa yang tertentu dan perkara yang berkaitan. Akta ini akan memastikan aktiviti angkasa negara dilaksanakan secara bertanggungjawab, selamat dan terjamin serta mematuhi segala garis

panduan yang dipersetujui di peringkat antarabangsa terutamanya melalui *United Nations Office for Outer Space Affairs* (UNOOSA). Pada masa yang sama, Kerajaan dapat meratifikasi triti-triti angkasa dan melaksanakan obligasi di bawah kerangka perundangan antarabangsa yang akan memangkinkan peranan negara dalam penyelidikan dan pembangunan industri angkasa ke arah *New Space Economy*.

Akta ini adalah selaras dengan Teras 1 Dasar Angkasa Negara 2030 yang sedang dilaksanakan oleh MOSTI melalui Agensi Angkasa Malaysia (MYSA). Akta ini diperlukan bagi melindungi Kerajaan daripada liabiliti kerosakan yang disebabkan oleh sebarang objek angkasa seperti satelit, kapal angkasa, kenderaan pelancar dan lain-lain termasuk komponennya yang dilancarkan oleh rakyat Malaysia. Perlindungan ini dilaksanakan melalui pemindahan liabiliti dan tanggungjawab berkaitan kepada pemilik sebenar objek angkasa. Aspek keselamatan yang merangkumi keterjaminan atau '*spaceworthiness*' terhadap keupayaan objek angkasa dari segi reka bentuk, aktiviti pelancaran dan keupayaan beroperasi dengan selamat di angkasa merupakan tumpuan utama dalam pelaksanaan Akta ini.

Di samping itu, Akta ini juga akan memastikan aktiviti berkaitan angkasa yang dijalankan mematuhi semua peraturan dan syarat yang ditetapkan sama ada di bawah Akta ini atau mana-mana Akta sedia ada negara seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [*Akta 588*] dan Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*]. Akta ini akan mengawal selia ruang angkasa yang boleh ditakrifkan sebagai ruang yang bermula daripada ketinggian 100 km dari aras laut sehinggalah ke infiniti. Ini berbeza dengan ruang udara iaitu ruang di bawah ketinggian 100 km dari aras laut yang digunakan bagi tujuan penerbangan oleh sektor

aeroangkasa yang dikawal selia oleh Pihak Berkuasa Penerbangan Awam (CAAM) di bawah Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3].

Bagi mengawal selia aktiviti angkasa, Akta ini telah menetapkan empat kaedah kawal selia iaitu lesen untuk mengawal aspek keselamatan bagi aktiviti berkaitan angkasa tertentu, permit pelancaran iaitu bagi penyedia perkhidmatan pelancaran yang menjalankan aktiviti pelancaran objek angkasa dari fasiliti pelancaran di dalam Malaysia, perakuan pelancaran bagi pemilik objek angkasa yang melancarkan objek angkasa dari fasiliti pelancaran di dalam dan di luar Malaysia serta pendaftaran objek angkasa yang telah berjaya dilancarkan dan beroperasi di orbit. Aktiviti-aktiviti yang akan dilesenkan di bawah Akta ini adalah membina atau membuat apa-apa objek angkasa, memiliki atau mengendalikan mana-mana fasiliti untuk integrasi dan pengujian objek angkasa serta memiliki atau mengendalikan mana-mana fasiliti pelancaran di dalam Malaysia.

Akta ini dapat memperkasakan industri huluan (*upstream*) secara holistik untuk memastikan kesinambungan pembekalan data satelit dan maklumat yang berkaitan. Usaha ini juga penting untuk menjadikan negara tidak hanya berperanan sebagai pengguna teknologi tetapi juga memainkan peranan selaku pembangun teknologi dalam sektor angkasa. Pelbagai program dan inisiatif telah dirangka dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk membangunkan sektor angkasa negara secara lebih terancang dan sistematik. Salah satu inisiatif utama adalah *Malaysia Space Exploration 2030* (Malaysia Space-X 2030) bagi melaksanakan Dasar Angkasa Negara 2030 yang merangkumi pembangunan keseluruhan rangkaian ekosistem sektor angkasa di negara ini. Antara

program yang dirancang dan sedang dilaksanakan di bawah inisiatif ini termasuklah Program Pembangunan Satelit Penderiaan Jauh Negara.

Akta ini akan dilaksanakan secara berperingkat melalui penguatkuasaan peruntukan-peruntukan yang merangkumi penubuhan pasukan teras Penguasa Angkasa dan Lembaga Angkasa Malaysia terlebih dahulu, yang dijangka akan dilaksanakan menjelang pertengahan tahun ini. Manakala, penguatkuasaan peruntukan-peruntukan lain yang terkandung di dalam Akta ini adalah selepas selesai pengubalan peraturan-peraturan yang diperlukan bagi penguatkuasaan sepenuhnya segala peruntukan yang terdapat di dalam Akta ini. Justeru, MOSTI adalah komited dalam melaksanakan Akta Lembaga Angkasa Malaysia 2022 bagi memelihara kepentingan Kerajaan, menggalakkan penyelidikan dan pembangunan serta menggiatkan pertumbuhan industri dan pelaburan berkaitan teknologi angkasa dalam memperkasakan agenda Sains, Teknologi dan Inovasi negara.

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:

**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

9 Februari 2022